



Tiada Hari Tanpa Sedekah

Fahimah Ali Hassan

Sedekah berasal daripada perkataan Arab, iaitu *sadaqa* yang bermaksud “benar”. Amalan bersedekah dikatakan mempunyai hubung kait dengan keimanan seseorang. Hal ini dikatakan demikian kerana orang yang benar-benar beriman kepada Allah SWT sahaja sanggup mengeluarkan harta yang dimilikinya pada jalan kebaikan atau pada jalan Allah SWT. Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud, “Sedekah itu sebagai bukti” (Hadis riwayat Muslim, kitab *al-Taharah*, bab *Fadl al-Wuduk*, no. 328, daripada Abi Malik al-Asy’ari).



Amalan bersedekah boleh dilihat dalam konteks yang sangat luas. Bersedekah bukan sahaja boleh dilakukan dengan harta dan wang ringgit, tetapi boleh juga dilakukan dengan setiap tulang sendi yang terdapat pada anggota tubuh manusia. Hal ini boleh difahami melalui sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, "Setiap pagi bagi setiap sendi manusia ada sedekahnya. Setiap tasbih itu sedekah, setiap tahmid itu sedekah, setiap tahlil itu sedekah, setiap takbir itu sedekah, setiap perkara yang menyuruh kebaikan itu sedekah, mencegah kejahatan itu sedekah, dan semua itu mencukupi dengan dua rakaat duha." (Hadis riwayat Muslim, kitab *Solat al-Usafir wa Qasriha*, bab *Istihbab Solat al-Duha wa 'an Aqallaha Rak'atani wa Akmaluha Thamani*, no.1181, daripada Abi Zar al-Ghifari r.a.).

Dalam suatu hadis, diceritakan bahawa Rasulullah SAW pernah didatangi oleh sebahagian para sahabat yang mengadu tentang keadaan mereka yang tidak memiliki harta yang banyak untuk disedekahkan bagi meraih pahala di sisi Allah SWT. Lalu Rasulullah menjawab, "Bukankah Allah telah menjadikan bagi kamu sesuatu untuk kamu bersedekah? Sesungguhnya dengan setiap tasbih itu sedekah, setiap takbir itu sedekah, setiap tahlil itu sedekah, menyuruh kepada makruf itu sedekah, melarang daripada perkara mungkar itu sedekah, dan pada kemaluan seseorang daripada kamu itu pun sedekah." Mereka berkata, "Ya Rasulullah, adakah seorang daripada kami yang menggunakan syahwatnya akan mendapat pahala daripada perbuatan itu?" Jawab Baginda, "Apakah pendapat kamu jika digunakannya pada yang haram, adakah itu berdosa? Maka demikian itu juga apabila dia menggunakan syahwatnya pada yang halal, maka baginya pahala." (Hadis riwayat Muslim, kitab *al-Zakat*, bab *Bayan 'an Ismu al-Sadaqa Yaqa'u 'ala Kulli Nau'in min al-Makruf*, no.1674, daripada Abi Zar r.a.).

Berdasarkan dua hadis tersebut, jelaslah kepada kita bahawa berzikir, menyuruh perkara yang baik, melarang perkara yang mungkar, dan menyalurkan syahwat kepada yang halal juga merupakan sebahagian daripada sedekah. Semua perkara yang dinyatakan tersebut termasuk dalam perkara kebaikan yang dinilai sebagai sedekah di sisi Allah SWT. Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud, "Setiap perkara kebaikan itu merupakan sedekah." (Hadis riwayat Muslim, kitab *al-Zakat*, bab

Bayan 'an Ismu al-Sadaqa Yaqa'u 'ala Kulli Nau'in min al-Ma'ruf, no. 1673).

Terdapat banyak lagi hadis yang menjelaskan bahawa sedekah itu mencakupi segala perkara kebaikan yang dilakukan oleh manusia. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Mana-mana Muslim yang menanam tanaman atau bercucuk tanam, lalu hasilnya dimakan oleh burung, manusia atau binatang, pasti dengan hal itu dia akan mendapat pahala sedekah." (Hadis riwayat al-Bukhari, kitab *al-Muzara'ah*, bab *Fadl al-Zar'i wa al-Gharsi iza Akala Minhu*, no. 2152, daripada Anas bin Malik r.a.).

Antara kelebihan amalan bersedekah ini termasuklah mendapat pahala yang sangat besar di sisi Allah SWT, menikmati kelapangan hidup, dan sentiasa berasa bahagia. Hal ini dijelaskan melalui firman Allah SWT yang bermaksud, "Orang-orang yang membelanjakan (menderma) hartanya pada waktu malam dan siang, dengan cara sulit atau terbuka, maka mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada kebimbangan (daripada berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, serta mereka tidak akan berdukacita." (*Surah al-Baqarah* 2:274).

Allah SWT berfirman dalam ayat lain yang bermaksud, "Bandingan (derma) orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi meliputi ilmu pengetahuan-Nya." (*Surah al-Baqarah* 2:261).

Orang yang suka bersedekah juga akan mendapat sanjungan makhluk di bumi serta didoakan oleh para malaikat, dan begitulah sebaliknya. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Tiada satu pagi (hari) yang dilalui oleh seorang hamba melainkan akan ada dua malaikat turun dan berdoa, 'Ya Allah! Berikan kepada pemberi sedekah ganti sedekahnya', manakala malaikat satu lagi berdoa, 'Ya Allah! Berikan kepada orang yang menahan sedekah dan kedekut kemusnahan.'" (Hadis riwayat al-Bukhari, kitab *al-Zakat*, bab *Qaulu Allahu Ta'ala fa amma Man A'ta Wattaqa wa Saddaqa bi al-Husna Fasataisiruhu*, no.1351, daripada Abu Hurairah r.a.).

Di samping itu, amalan bersedekah juga dapat menghapuskan kesalahan dan dosa. Terdapat dalam




hadis Rasulullah SAW kisah seorang perempuan pelacur yang mendapat keampunan dengan sebab memberi minum air kepada seekor anjing yang hampir mati kehausan. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Suatu ketika ada seekor anjing yang berpusing-pusing mengelilingi sebuah perigi, hampir sahaja anjing itu mati kerana dahaga. Tiba-tiba ada seorang wanita pelacur daripada Bani Israel melihatnya. Lantas, dia pun membuka kasutnya, lalu mengambil air dan memberi anjing tersebut minum. Maka itu, dia pun mendapat keampunan dengan sebab perbuatannya tersebut." (Hadis riwayat Muslim, kitab *al-Salam*, no. 4163, daripada Abu Hurairah r.a.).

Bersedekah juga merupakan satu daripada ikhtiar kita untuk menolak bala dan menyembuhkan penyakit. Hal ini berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud, "Segeralah bersedekah, sesungguhnya musibah tidak dapat melintasi sedekah." (Hadis riwayat al-Tabarani dan al-Baihaqi dalam kitab *Syua'bi al-Iman* daripada Abi Umamah, no. 3557).

Dalam hadis yang lain, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Ubatilah orang yang sakit dalam kalangan kalian dengan bersedekah" (Hadis riwayat al-Tabarani dan al-Baihaqi). Kemungkinan penyakit yang dihidapi atau kesakitan yang dialami itu disebabkan dosa yang pernah dilakukan oleh pesakit. Maka itu, apabila dia bersedekah, diharapkan akan hilanglah kesakitan atau penyakit yang dihidapinya dengan izin Allah SWT. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Sedekah itu menghapuskan dosa sebagaimana air memadamkan api" (Hadis riwayat al-Tirmidzi, kitab *al-Iman*, bab *Ma Ja'a fi Hurmati al-Solat*, no. 2616, daripada Mu'az bin Jabal r.a.).

Ibn Qayyim rahimullah dalam kitab *Faid al-Qadir* pula menyatakan bahawa amalan bersedekah mempunyai pengaruh yang luar biasa dan dapat mencegah pelbagai bala walaupun dilakukan oleh seorang pelaku maksiat, orang zalim dan orang kafir. Orang soleh yang terdahulu bersedekah sepadan dengan penyakit dan musibah yang menimpa mereka. Malah, mereka mengeluarkan harta yang paling mereka cintai.

Islam menggalakkan umatnya supaya bersedekah kepada orang yang susah dan memerlukan bantuan dalam bentuk wang ringgit atau harta benda. Bersedekah tidak semestinya dalam kuantiti yang banyak. Walaupun sedikit,



“Bersedekah tidak akan menyempitkan rezeki, tetapi menambahkan lagi rezeki yang ada. Sedekah yang sedikit, tetapi berterusan dan seikhlas hati lebih baik daripada langsung tidak bersedekah.”

sedekah tersebut akan dinilai dan dilihat oleh Allah SWT selagi amalan itu dilaksanakan ikhlas kerana-Nya, bukan kerana ingin dipandang hebat atau mulia oleh manusia lain. Jauh sekali untuk mendapatkan kata-kata pujian daripada orang sekeliling. Allah SWT berfirman yang bermaksud, "Janganlah kamu memberi dengan mengharap balasan yang lebih banyak." (*Surah al-Muddaththir* 74:6).

Pernah suatu hari Asma' binti Abu Bakar berjumpa Rasulullah SAW dan mengadu akan keadaannya yang tidak mempunyai apa-apa untuk disedekahkan, melainkan duit belanja yang diberikan oleh suaminya, Zubair. Lalu, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Bersedekah mengikut kadar yang sesuai dengan kemampuanmu, dan janganlah



menghitung-hitung kerana Allah akan menghitung-hitung pula pemberian-Nya kepadamu, dan jangan pula kedekut sehingga Allah akan menyempitkan rezekimu.” (Hadis riwayat Muslim, kitab *al-Zakat*, bab *al-Hassu ‘ala al-Infaq wa Karahatu al-Ihsa’*, no.1710, daripada Asma’ binti Abu Bakar)

Hadis tersebut menjelaskan kepada kita bahawa bersedekah tidak akan menyempitkan rezeki, tetapi menambahkan lagi rezeki yang ada. Sedekah yang sedikit, tetapi berterusan dan seikhlas hati lebih baik daripada langsung tidak bersedekah.

Pada zahirnya, apabila kita bersedekah, maka duit atau harta benda kita akan berkurang. Hakikatnya, di sisi Allah SWT harta atau duit kita itu bertambah berlipat kali ganda nilainya. Kita tidak akan menjadi

miskin dengan sebab sedekah, tetapi sedekahlah yang akan melapangkan hidup dan menghindarkan kefakiran. Allah SWT berfirman yang bermaksud, “Dan apa-apa yang kamu nafkahkan, maka Allah akan menggantikannya, dan Dialah Pemberi rezeki yang sebaik-baiknya.” (*Surah Saba’* 34:39).

Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud, “Sedekah itu tidak mengurangi harta. Tidak ada orang memberi maaf kepada orang lain melainkan Allah akan menambahkan kemuliaannya, dan tidak ada orang merendahkan diri kerana Allah melainkan Allah akan mengangkat darjatnya.” (Hadis riwayat Muslim, *al-Birru wa al-Sillat wa al-Adab. Istihbab al-Af’w wa al-Tawadu’*, no.4689, daripada Abu Hurairah r.a.).

Islam menganjurkan supaya kita bersedekah dengan sesuatu yang disayangi, bukannya dengan sesuatu yang telah lama digunakan, dan kita tidak mahu menggunakannya lagi seperti pakaian lama yang telah lusuh. Firman Allah SWT yang bermaksud, “Kamu sekali-kali tidak akan mendapat kebajikan yang sempurna (syurga) sehingga kamu menafkahkan sebahagian harta yang kamu cintai. Dan apa-apa yang kamu sedekahkan, maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.” (*Surah Ali ‘Imran* 3:92).

Sebaik-baiknya, amalan bersedekah hendaklah dirahsiakan. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, “Sedekah rahsia memadamkan kemurkaan Allah” (Hadis riwayat al-Tirmidzi, kitab *al-Iman*, bab *Ma Ja’a fi Hurmati al-Solah*, no. 2616, status hasan sahih).

Bersedekah tidak semestinya dengan harta atau wang ringgit sahaja. Beribadat, berzikir, beristighfar, bertasbih, bertahmid, bermuka manis dengan orang lain, menanam tanaman untuk dimakan oleh binatang, memberikan nafkah kepada ahli keluarga, meminjamkan wang, dan membuang duri di jalan juga dianggap sebagai sedekah yang dinilai di sisi Allah SWT. Asasnya, segala kebaikan yang dilakukan oleh manusia dengan anggota badannya merupakan sebahagian daripada makna sedekah. Semakin banyak kita bersedekah, maka semakin banyak rezeki yang dikurniakan oleh Allah kepada kita. Oleh itu, jangan jadikan hari kita tanpa sedekah. Berilah sedekah seikhlas hati dan sekadar yang mampu. Mudah-mudahan sedekah yang diberikan itu diterima di sisi Allah SWT. **DTI**